

# PROGRAM KEMBALI BEKERJA

MEMBANTU ANDA KEMBALI BEKERJA SELEPAS KECEDERAAN






## BAGAIMANAKAH SAYA DAPAT MERAIH MANFAAT DARI PROGRAM INI?

Kami tahu bahwa kecederaan semasa bekerja amat membimbangkan.

Program RTW akan menyediakan bantuan dan mengkhususkan pengurusan kes dengan memastikan seorang Penyelaras RTW akan membantu anda yang tercedera agar pulih, kekal dan kembali ke kerja.\*



Melalui program RTW, seorang Penyelaras RTW akan berhubung dengan anda untuk:

1. Berhubung dengan doktor anda untuk memahami keadaan kesihatan dan menentukan perubatan pakar yang diperlukan.
2. Berhubung dengan majikan anda untuk memahami tugas anda dan mengenal pasti cara pemulihan dan peluang untuk kembali bekerja.
3. Menilai keupayaan bekerja dan pilihan pekerjaan untuk anda, menyediakan rancangan RTW anda dan memantau perkembangan anda.

Sekiranya anda tidak dapat kembali ke tugas asal sebelum kecederaan, Penyelaras RTW akan berbincang dengan anda dan majikan anda tentang pilihan lain. Pilihan-pilihan ini termasuk latihan untuk tugas baharu dengan majikan yang sama atau rujukan kepada pusat pekerjaan kerajaan atau pusat khidmat masyarakat untuk mencari pekerjaan baharu, bergantung pada tahap kecederaan yang dialami.

\*Warganegara Singapura, penduduk tetap dan Pemegang Pas Kerja boleh menyertai Program RTW ini.



## PERLUKAH SAYA MEMBAYAR UNTUK PERKHIDMATAN RTW?

Perbelanjaan untuk perkhidmatan RTW termasuk rawatan pemulihan, penyelarasan RTW, penilaian fungsi dan penilaian tempat kerja. Perbelanjaan ini boleh dibiayai dengan cara-cara berikut:



**WICA**



**Kebajikan Pekerja**



**Geran RTW**

Sekiranya keadaan anda dilindungi oleh Akta Pampasan Kecederaan Pekerjaan (WICA), perbelanjaan RTW anda akan dibiayai dengan insurans premium kcederaan pekerjaan yang dibayar oleh majikan anda.

Anda berlayak untuk menuntut pampasan dan bayaran untuk:

- Bayaran gaji anda semasa cuti sakit yang diberi disebabkan oleh kecederaan kerja
- Kos rawatan, termasuk kos konsultasi, perbelanjaan hospital dan ubat-ubat.

Sekiranya anda tidak dilindungi oleh WICA, perbelanjaan RTW anda boleh dibiayai oleh kebajikan pekerja anda dan insurans kesihatan kumpulan atau insurans peribadi anda.

Sekiranya anda bekerja dengan Perusahaan Kecil atau Sederhana (SME), majikan anda boleh mendapatkan sokongan tambahan untuk perbelanjaan RTW anda dengan bantuan Geran RTW melalui [www.wshc.sg/returntowork](http://www.wshc.sg/returntowork)



## BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENDAFTAR UNTUK PROGRAM RTW ?

- Doktor anda akan mengesyorkan Program RTW kepada anda apabila keadaan kesihatan anda telah stabil.
- Anda boleh mendapatkan maklumat selanjutnya tentang Program RTW daripada doktor atau ahli terapi anda.



## BERAPA LAMAKAH PERLU SAYA MENYERTAI PROGRAM RTW?

Secara purata, pekerja yang tercedera mengambil masa 6 bulan untuk kembali bekerja selepas mengalami kecederaan.



# PERJALANAN RTW INI

## PEKERJA TERCEDERA

- Dapatkan bantuan perubatan dengan segera.
- Maklumkan majikan anda jika perlu.



## DOKTOR MEMBERI BANTUAN PERUBATAN DAN PENILAIAN

- Merawat pekerja, menyediakan diagnosis dan prognosis.
- Mengesyorkan RTW sekiranya keadaan kesihatan telah stabil.



## PENYELARAS RTW MENELITI KES

- Memahami keadaan pekerja daripada doktor.
- Memahami skop tugas pekerja dan persekitaran tempat kerja daripada majikan.



## PENYELARAS RTW BEKERJASAMA DENGAN DOKTOR, PEKERJA DAN MAJIKAN

- Bekerjasama dengan doktor dan majikan untuk menyediakan perancangan khusus RTW.
- Bekerjasama dengan majikan untuk mengubah suai tugas bagi membantu pekerja kembali bekerja.
- Memberitahu majikan perkembangan tentang pemulihan dan perancangan RTW.



## PEMBEBASAN DARI PROGRAM

- Pekerja kembali bekerja dengan majikan yang sama atau yang baharu; melakukan kerja yang sama atau diubahsuai sebelum kecederaan atau kerja lain.
- Sekiranya pekerja tidak berupaya untuk melakukan pekerjaan asalnya, dia akan dirujuk kepada pusat pekerjaan kerajaan atau pusat khidmat masyarakat untuk menjalani latihan vokasional atau penggantian pekerjaan.



## HOSPITAL-HOSPITAL YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

### Changi General Hospital

Return-to-Work Clinic

Tel: 6788 8833

Email: Return\_To\_Work@cgh.com.sg

### Khoo Teck Puat Hospital

Rehabilitation Services

Tel: 6555 8000

Email: ktph\_returntowork@ktph.com.sg

### National University Hospital

Rehabilitation Centre

Tel: 6772 2002

Email: nuhrtwc@nuhs.edu.sg

### Ng Teng Fong General Hospital

Clinic A62 Rehabilitation

Tel: 6716 2000

Email: JHCampus\_RTW@nuhs.edu.sg

### Singapore General Hospital

Return-to-Work Clinic

Tel: 6326 6353 / 6321 4377

Email: occupational.health@sgh.com.sg

### Sengkang General Hospital

Return-to-Work Clinic

Tel: 6930 6000

Email: rtw@skh.com.sg

Disokong oleh



Untuk maklumat yang selanjutnya, sila kunjungi [www.wshc.sg/returntowork](http://www.wshc.sg/returntowork)

### Tan Tock Seng Hospital

Department of Occupational

Therapy

Tel: 6357 8339

Email: occupational\_therapy@ttsh.com.sg